

# Sukan lasak tarikan pesta konvo UTHM

Harian metro 10/10/2000

>>Oleh IBRAHIM ISA

ibrahim@hmetro.com.my

**B**ATU PAHAT: Sukan lasak antara acara paling menarik disediakan di Pesta Konvokesyen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) ke-10 bermula kelmarin hingga Selasa ini.

Tema pesta 'Bumi Hijau Generasi Gemilang' diharap dapat melahirkan graduan yang menghargai pokok dan tanaman, sekali gus mewujudkan suasana lebih nyaman di dalam kampus UTHM kelak.

Pengarah Program Pesta Konvokesyen ke-10 UTHM, Muhamad Aiman Idris berkata, pesta itu bertujuan meraikan graduan, kakitangan dan penduduk sekitar UTHM di dalam satu acara tahunan serta mempromosikan institut pengajian tinggi awam (IPTA) sendiri.

Katanya, selain itu program berkenaan dapat mengasah bakat kepemimpinan pelajar UTHM dalam organisasi ketika mengambil bahagian dalam pelbagai acara disediakan.

"Pelbagai acara disusun rapi bagi memeriahkan pesta seperti gerai pesta konvokesyen, aktiviti sukan lasak, ceramah ilmiah dan persembahan artis.

"Malah, program Bumi Hijau '1Orang 1Pokok' bertujuan mewujudkan suasana

nyaman dan segar menerusi program penanaman pokok di dalam universiti.

"Antara acara sukan lasak yang disediakan ialah Cabaran Mega Paintball UTHM yang berkonsepkan liga dan menekankan corak permainan strategi pertempuran dan akan diadakan pada 9 hingga 10 Oktober di padang ragbi UTHM," katanya.

Menurutnya, bagi mereka yang meminati sukan lasak lain, pihaknya menyediakan pertandingan papan luncur, kasut roda dan berbasikal sesuai untuk golongan muda yang menginginkan sesuatu mencabar.

Muhamad Aiman berkata, pihaknya menyediakan ceramah Motivasi Penggerak Minda Pelajar bagi membentuk pembelajaran daripada pengalaman, sekali gus membantu membuka minda dan meningkatkan jati diri pelajar.

"Selain itu, kami mengambil inisiatif mengadakan program khusus untuk pelajar sekolah menengah iaitu 'Jom Masuk U' dengan kami akan memberi sedikit maklumat mengenai budaya hidup di dalam kampus dan cara pembelajaran.

"Bagi memeriahkan lagi pesta, pengunjung bakal dihiburkan konsert membabitkan artis termasuk Amy Search, Lefthanded, Ana Raffali dan Hattan," katanya.